

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 4

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (KEMALANGAN MAUT DAN KECEDERAAN DIRI), 1991

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran pendek dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Kemalangan Maut dan Kecederaan Diri), 1991 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Februari, 1991.

Pengenaan.

2. Perintah ini hendaklah dikenakan kepada sebarang tindakan yang bermula selepas tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini, sama ada alasan tindakan itu terakru sebelum atau selepas tarikh itu.

BAHAGIAN II

TUNTUTAN-TUNTUTAN KEMALANGAN MAUT

Hak tindakan.

3. (1) Jika kematian disebabkan oleh sebarang perbuatan salah, kecuaian atau keengkaran yang akan memberi hak kepada orang yang tercedera itu (jika kematian belum berlaku) untuk meneruskan suatu tindakan dan mendapatkan kembali gantirugi berkaitan dengannya, maka orang yang sepatutnya bertanggungan jika kematian belum berlaku hendaklah bertanggungan terhadap suatu tindakan untuk mendapatkan gantirugi, dengan tidak menghiraukan kematian orang yang tercedera itu.

(2) Tertakluk kepada bab 4, tiap-tiap tindakan itu hendaklah untuk faedah tanggungan-tanggungan orang ('si-mati') yang kematian-nya telah disebabkan demikian.

(3) Dalam Bahagian ini 'tanggungan' bermakna —

(a) isteri atau suami atau bekas isteri atau suami si-mati ;

(b) mana-mana orang yang —

(i) telah hidup bersama si-mati dalam rumah tangga yang sama sebaik-baik sahaja sebelum tarikh kematian ; dan

- (ii) telah hidup bersama si-mati dalam rumah tangga yang sama sekurang-kurangnya selama dua tahun sebelum tarikh itu ; dan
- (iii) telah hidup dalam keseluruhan tempoh itu sebagai suami atau isteri si-mati ;
- (c) mana-mana ibubapa atau nenek moyang lain si-mati ;
- (d) mana-mana orang yang telah disifatkan oleh si-mati sebagai ibubapanya ;
- (e) mana-mana anak atau keturunan lain si-mati ;
- (f) mana-mana orang (bukan anak si-mati) yang, dalam hal sebarang perkahwinan dalam mana si-mati pada bila-bila masa adalah satu pihak kepada perkahwinan itu, telah disifatkan oleh si-mati sebagai anak dari keluarga berkenaan dengan perkahwinan itu ;
- (g) mana-mana orang yang merupakan, atau zuriat, abang/adik lelaki, kakak/adik perempuan, bapa saudara atau emak saudara si-mati.

(4) Sebutan kepada bekas isteri atau suami si-mati dalam ceraian (3)(a) termasuk sebutan kepada seseorang yang perkahwinannya dengan si-mati telah dibubarkan.

(5) Dalam membuat kesimpulan tentang sebarang kaitan bagi maksud-maksud ceraian (3) —

- (a) sebarang kaitan melalui pertalian kahwin hendaklah disifatkan sebagai kaitan melalui pertalian darah, sebarang kaitan berdarah campuran sebagai kaitan seibu seapa, dan anak tiri mana-mana orang sebagai anaknya ; dan
- (b) seseorang yang luar nikah hendaklah disifatkan sebagai anak yang sah ibunya dan bapa sangkaannya.

(6) Sebarang sebutan dalam Bahagian ini kepada kecederaan termasuk sebarang penyakit dan sebarang kelemahan keadaan fizikal atau akal seseorang.

4. (1) Suatu tindakan di bawah Bahagian ini boleh mengandungi atau termasuk suatu tuntutan untuk mendapatkan gantirugi kerana kematian.

Kematian.

(2) Suatu tuntutan untuk mendapatkan gantirugi kerana kematian hendaklah hanya bagi faedah —

- (a) isteri atau suami si-mati ; dan
- (b) jika si-mati belum cukup umur yang tidak pernah berkahwin —
 - (i) ibubapanya, jika dia adalah anak yang sah ; dan

(ii) ibunya, jika dia adalah anak luar nikah.

(3) Tertakluk kepada ceraian (5) jumlah wang yang akan diberikan sebagai gantirugi di bawah bab ini adalah \$10,000.00.

(4) Jika terdapat suatu tuntutan untuk mendapatkan gantirugi di bawah bab ini bagi faedah kedua-dua ibubapa si-mati, maka jumlah wang yang diberikan hendaklah dibahagi sama rata di antara mereka (tertakluk kepada sebarang potongan yang kena dibuat berkaitan dengan kos yang tidak didapatkan kembali daripada pihak defendant).

(5) Menteri boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* meminda bab ini dengan mengubah jumlah wang yang ditentukan pada masa itu dalam ceraian (3).

Orang-orang yang berhak mengambil tindakan.

5. (1) Tindakan hendaklah diambil oleh dan atas nama wasi atau pentadbir si-mati.

(2) Jika —

- (a) tiada wasi atau pentadbir si-mati ; atau
- (b) tiada tindakan diambil dalam masa enam bulan selepas kematian oleh dan atas nama seseorang wasi atau pentadbir si-mati ;

tindakan itu boleh diambil oleh dan atas nama semua atau manapun orang yang atas faedahnya seseorang wasi atau pentadbir mungkin dapat mengambil tindakan itu.

(3) Suatu tindakan tidak boleh dilakukan lebih dari sekali dan berkaitan dengan hal-perkara aduan yang sama.

(4) Pihak plaintiff dalam tindakan itu adalah dikehendaki supaya menyerahkan kepada pihak defendant atau peguambela dan peguam-caranya butir-butir lengkap mengenai orang yang baginya dan yang bagi pihaknya tindakan itu diambil dan jenis tuntutan yang berkaitan dengannya gantirugi dipohonkan untuk didapatkan kembali.

Taksiran gantirugi.

6. (1) Dalam tindakan itu gantirugi itu, selain dari gantirugi kerana kematian, boleh diberikan mengikut kadar kecederaan yang mengakibatkan kematian kepada tanggungan masing-masing.

(2) Selepas memotong kos yang tidak didapatkan kembali daripada pihak defendant sebarang jumlah wang yang didapatkan kembali dengan jalan lain dari sebagai gantirugi kerana kematian hendaklah dibahagi di antara tanggungan-tanggungan mengikut bahagian sebagaimana yang mungkin diarahkan.

(3) Dalam suatu tindakan di bawah Bahagian ini jika kena ditaksir gantirugi yang kena dibayar kepada seseorang balu berkaitan dengan kematian suaminya maka hendaklah tidak diambil kira akan

perkahwinan semula balu itu atau kemungkinannya untuk berkahwin semula.

(4) Dalam suatu tindakan di bawah Bahagian ini jika kena ditaksir gantirugi yang kena dibayar kepada seseorang yang merupakan tanggungan menurut bab (3)(b) berkaitan dengan kematian orang yang dengannya tanggungan itu telah hidup sebagai suami atau isteri maka hendaklah diambil kira (berserta dengan sebarang perkara lain yang pada pendapat mahkamah sebagai berkaitan dengan tindakan itu) fakta bahawa tanggungan itu tidak mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan terhadap bantuan kewangan oleh si-mati hasil dari hidup bersamanya.

(5) Jika tanggungan-tanggungan itu telah melakukan perbelanjaan mengurus mayat berkaitan dengan si-mati, maka gantirugi boleh diberikan berkaitan dengan perbelanjaan itu.

(6) Wang yang dibayar ke dalam mahkamah bagi menyelesaikan suatu alasan tindakan di bawah Bahagian ini boleh dibuat dengan satu jumlah wang tanpa menentukan bahagian mana-mana orang.

7. Dalam menaksir gantirugi berkaitan dengan kematian seseorang dalam suatu tindakan di bawah Bahagian ini, faedah yang telah terakru atau akan atau boleh terakru kepada mana-mana orang dari harta pesaknya ataupun sebaliknya akibat dari kematianya hendaklah diketepikan.

Mengenepikan faedah.

8. Jika mana-mana orang mati bersebab sebahagiannya dari kesalahannya sendiri dan sebahagiannya dari kesalahan mana-mana orang atau orang-orang lain, dan atas sebab itu jika suatu tindakan telah diambil untuk faedah harta pesaka di bawah Bahagian IV gantirugi yang boleh didapatkan kembali mungkin dikurangkan di bawah bab 9(1), sebarang gantirugi yang boleh didapatkan kembali dalam suatu tindakan yang diambil untuk faedah tanggungan-tanggungan orang itu di bawah Bahagian ini hendaklah dikurangkan ke suatu takat yang sebandingan.

Kecuaian sertaan.

BAHAGIAN III

KECUAIAN SERTAAN

9. (1) Jika mana-mana orang mengalami kecederaan bersebab sebahagiannya dari kesalahannya sendiri dan sebahagiannya dari kesalahan mana-mana orang atau orang-orang lain, suatu tuntutan berkaitan dengan kecederaan itu hendaklah tidak dibatalkan dengan sebab kesalahan orang yang mengalami kecederaan itu, tetapi gantirugi yang boleh didapatkan kembali berkaitan dengannya hendaklah dikurangkan ke takat sebagaimana yang difikirkan adil dan saksama oleh mahkamah dengan mengambil perhatian kepada bahagian pihak menuntut yang bertanggungjawab terhadap kecederaan itu :

Pengumpukan dalam hal kecuaian sertaan.

Dengan syarat bahawa —

- (a) ceraian ini hendaklah tidak berjalan kuatkuasa untuk membatalkan sebarang pembelaan yang berbangkit di bawah suatu kontrak ;
- (b) jika sebarang kontrak atau undang-undang yang mempersyaratkan pembatasan tanggungan boleh dikenakan kepada tuntutan itu, maka jumlah gantirugi yang boleh didapatkan kembali oleh pihak menuntut menurut ceraian ini hendaklah tidak melebihi dari had maksimum yang boleh dikenakan demikian.

(2) Jika gantirugi boleh didapatkan kembali oleh mana-mana orang menurut ceraian yang terdahulu tertakluk kepada pengurangan sebagaimana yang disebutkan di dalamnya, maka mahkamah hendaklah memutus dan merekodkan jumlah gantirugi yang sepatutnya boleh didapatkan kembali jika pihak menuntut tidak bersalah.

(3) Jika, dalam sebarang hal yang dikenakan dengan ceraian (1) dari bab ini, salah seorang daripada orang-orang yang bersalah itu mengelakkan tanggungan terhadap mana-mana orang lain atau wakil dirinya dengan mengemukakan Akta Had Masa sebagai alasannya, atau sebarang undang-undang lain yang menghadkan masa tindakan boleh diambil, maka dia tidaklah berhak untuk mendapatkan kembali sebarang gantirugi daripada orang lain atau wakil itu menurut ceraian tersebut.

Tafsiran. 10. Dalam Bahagian ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

'mahkamah' bermakna berkenaan dengan sebarang tuntutan, mahkamah atau penimbangtara yang olehnya atau yang dihadapannya tuntutan itu kena diputuskan ;

'kecederaan' termasuk kehilangan nyawa dan kecederaan diri ;

'tanggungan' mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Bahagian II ;

'kesalahan' bermakna kecuaian, perlanggaran kewajipan berkanun atau perbuatan atau peninggalan lain yang menyebabkan suatu tanggungan pada tort atau akan, selain dari Bahagian ini, menyebabkan pembelaan kecuaian sertaan.

BAHAGIAN IV

KESAN KEMATIAN

Kesan
kematian
dalam alasan
tindakan.

11. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini, atas kematian mana-mana orang segala alasan tindakan yang masih ada atau yang terletak hak padanya hendaklah diteruskan, atau, mengikut mana yang berkenaan, bagi faedah harta pesakanya :

Dengan syarat bahawa ceraian ini hendaklah tidak dikenakan kepada alasan-alasan tindakan kerana fitnah.

(2) Hak seseorang untuk membuat tuntutan di bawah bab 4 dari Perintah ini (kematian) hendaklah tidak diteruskan bagi faedah harta pesakanya atas kematianya.

(3) Jika suatu alasan tindakan diteruskan sebagaimana yang disebutkan di atas bagi faedah harta pesaka seseorang yang telah mati, maka gantirugi yang boleh didapatkan kembali bagi faedah harta pesaka orang itu —

- (a) hendaklah tidak termasuk —
 - (i) sebarang gantirugi teladan ;
 - (ii) sebarang gantirugi kerana kehilangan pendapatan berkaitan dengan sebarang tempoh selepas kematian orang itu ;
- (b) jika kematian orang itu telah disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan yang menyebabkan alasan tindakan itu, hendaklah dikira tanpa merujuk kepada sebarang kerugian atau laba terhadap harta pesakanya akibat dari kematianya, kecuali bahawa sejumlah wang berkaitan dengan perbelanjaan mengurus mayat boleh dimasukkan.

(4) Jika kecederaan telah dialami dengan sebab sebarang perbuatan atau peninggalan yang berkaitan dengannya suatu alasan tindakan mungkin masih ada terhadap mana-mana orang jika orang itu belum mati sebelum atau pada masa yang sama ketika kecederaan itu dialami, maka, bagi maksud-maksud Bahagian ini, alasan tindakan itu hendaklah dianggap masih ada terhadapnya sebelum kematianya berkaitan dengan perbuatan atau peninggalan itu yang mungkin masih ada jika dia telah mati selepas kecederaan itu dialami.

(5) Hak-hak yang diberikan oleh Bahagian ini bagi faedah harta pesaka orang-orang yang telah mati hendaklah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan sebarang hak yang diberikan kepada tanggungan orang-orang yang telah mati menurut Bahagian II dari Perintah ini, atau Akta Perjalanan Udara, dan setakat Bahagian ini ada kena mengena dengan alasan-alasan tindakan terhadap harta pesaka orang-orang yang telah mati hendaklah dikenakan berkenaan dengan alasan-alasan tindakan di bawah Bahagian dan Akta tersebut sebagaimana ianya dikenakan berkenaan dengan alasan-alasan tindakan yang lain yang tidak dikecualikan dengan nyata dari kuatkuasa ceraian (1) dari bab ini.

(6) Jika berlaku ketakmampuan mengenai suatu harta pesaka dalam mana tindakan boleh diteruskan terhadapnya menurut bab ini, sebarang tanggungan mengenai alasan tindakan yang berkaitan dengannya tindakan itu boleh diteruskan hendaklah dianggap sebagai suatu hutang yang boleh dibuktikan dalam pentadbiran harta pesaka itu, dengan tidak menghiraukan bahawa ianya adalah atas suatu tuntutan pada jenis gantirugi yang tak tertentu jumlahnya yang berbangkit dengan jalan lain dari melalui suatu kontrak, janji atau pecah amanah.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- Penghapusan gantirugi kerana kehilangan harapan hidup.
12. (1) Dalam suatu tindakan untuk mendapatkan gantirugi kerana kecederaan diri —
- (a) tiada gantirugi boleh didapatkan kembali berkaitan dengan sebarang kehilangan harapan hidup yang berlaku kepada orang yang tercedera oleh kecederaan itu ; tetapi
 - (b) jika harapan hidup orang yang tercedera itu telah tersusut oleh kecederaan itu, maka mahkamah, dalam menaksir gantirugi berkaitan dengan kesakitan dan penderitaan yang disebabkan oleh kecederaan itu, hendaklah mengambil kira sebarang penderitaan yang berlaku atau mungkin berlaku kepadanya dengan kesedaran bahawa harapannya untuk hidup telah tersusut demikian.
- (2) Sebutan dalam ceraian (1)(a) kepada gantirugi berkaitan dengan kehilangan harapan hidup tidak termasuk gantirugi berkaitan dengan kehilangan pendapatan.
- Penyelenggaraan atas perbelanjaan awam.
13. Dalam suatu tindakan untuk mendapatkan gantirugi kerana kecederaan diri (termasuk sebarang tindakan itu yang berbangkit dari suatu kontrak) sebarang pengecualian kepada orang yang tercedera itu yang bersebab dari penyelenggarannya adalah seluruhnya atau sebahagianya atas perbelanjaan awam di sesebuah hospital, rumah rawatan atau yayasan lain hendaklah ditolak dari sebarang pendapatan yang dia kehilangan akibat dari kecederaannya.
- Hak terhadap caruman.
14. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini yang berikut, manapun orang yang bertanggungan berkaitan dengan sebarang kecederaan yang dialami oleh orang lain boleh mendapatkan kembali caruman daripada mana-mana orang lain yang bertanggungan berkaitan dengan kecederaan yang sama (sama ada secara bersesama denganannya ataupun sebaliknya).
- (2) Seseorang adalah berhak untuk mendapatkan kembali caruman menurut ceraian (1) dengan tidak menghiraukan bahawa dia tidak lagi bertanggungan berkaitan dengan kecederaan berkenaan sejak dari masa apabila kecederaan itu berlaku, dengan syarat bahawa dia bertanggungan demikian sebaik-baik sahaja sebelum dia membuat atau telah diperintahkan atau bersetuju untuk membuat pembayaran yang berkaitan denganannya caruman itu dipohonkan.
- (3) Seseorang adalah bertanggungan untuk membuat caruman menurut ceraian (1) dengan tidak menghiraukan bahawa dia tidak lagi bertanggungan berkaitan dengan kecederaan berkenaan sejak dari masa apabila kecederaan itu berlaku, melainkan jika dia tidak lagi bertanggungan menurut tamatnya tempoh had masa atau preskripsi yang menghapuskan hak dalam mana tuntutan terhadapnya berkaitan dengan kecederaan itu diasaskan.

(4) Seseorang yang telah membuat atau bersetuju untuk membuat sebarang pembayaran atas penyelesaian bona fide atau tolakan-sur mengenai sebarang tuntutan yang dibuat terhadapnya berkaitan dengan sebarang kecederaan (termasuk suatu pembayaran ke dalam mahkamah yang telah diterima) adalah berhak untuk mendapatkan kembali caruman menurut bab ini tanpa mengendahkan sama ada atau tidak dia sendiri bertanggungan atau pernah bertanggungan berkaitan dengan kecederaan itu, dengan syarat bahawa, walau bagaimanapun, dia sepatutnya bertanggungan dengan andaian bahawa asas sebenar tuntutan terhadapnya dapat dibuktikan.

(5) Suatu penghakiman yang diberi dalam sebarang tindakan oleh atau bagi pihak orang yang mengalami kecederaan berkenaan terhadap mana-mana orang yang daripadanya caruman dipohonkan di bawah bab ini adalah muktamad dalam tindakan untuk mendapatkan caruman tentang sebarang perkara yang diputuskan oleh penghakiman itu untuk faedah orang yang daripadanya caruman itu dipohonkan.

(6) Sebutan-sebutan dalam bab ini kepada tanggungan seseorang berkaitan dengan sebarang kecederaan adalah sebutan-sebutan kepada sebarang tanggungan itu yang telah atau dapat dibuktikan dalam suatu tindakan yang diambil terhadapnya oleh atau bagi pihak orang yang mengalami kecederaan itu ; tetapi tidaklah mustahak sama ada sebarang perkara yang berbangkit dalam sebarang tindakan itu telah atau akan diputuskan (menurut aturan-aturan undang-undang antarabangsa persendirian) dengan merujuk kepada undang-undang sesebuah negara di luar Negara Brunei Darussalam.

15. (1) Tertakluk kepada ceraian (3) dari bab ini, dalam sebarang tindakan untuk mendapatkan caruman di bawah bab 14 jumlah caruman yang boleh didapatkan kembali daripada mana-mana orang adalah sebagaimana yang mungkin didapat oleh mahkamah sebagai adil dan saksama dengan mengambil perhatian kepada takat tanggungjawab orang itu terhadap kecederaan berkenaan.

Taksiran caruman.

(2) Tertakluk kepada ceraian (3) dari bab ini, mahkamah hendaklah mempunyai kuasa dalam sebarang tindakan itu untuk mengecualikan mana-mana orang dari tanggungan untuk membuat caruman, atau mengarahkan supaya caruman itu didapatkan kembali daripada mana-mana orang hendaklah terjumlah kepada tanggung rugi sepenuhnya.

(3) Jika jumlah gantirugi yang telah atau mungkin telah diberikan berkaitan dengan kecederaan berkenaan dalam sebarang tindakan oleh atau bagi pihak orang yang mengalaminya terhadap orang yang daripadanya caruman itu dipohonkan adalah atau sepatutnya tertakluk kepada —

- (a) sebarang had yang dikenakan oleh atau di bawah sebarang undang-undang atau oleh sebarang perjanjian yang dibuat sebelum kecederaan itu berlaku ;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- (b) sebarang pengurangan menurut bab 8 atau bab 9 ; atau
- (c) sebarang had atau pengurangan yang bersamaan di bawah undang-undang sesebuah negara di luar Negara Brunei Darussalam ;

orang yang daripadanya caruman itu dipohonkan tidaklah dikehendaki menurut sebarang caruman yang telah diberikan di bawah bab 14 untuk membayar berkaitan dengan kecederaan itu jumlah yang lebih besar dari jumlah gantirugi yang dihadkan atau dikurangkan itu.

Tanggungan bersama.

16. Penghakiman yang didapatkan terhadap mana-mana orang yang bertanggungan berkaitan dengan sebarang hutang atau kecederaan hendaklah tidak menjadi suatu halangan kepada suatu tindakan, atau penerusan suatu tindakan, terhadap mana-mana orang lain yang (selain dari sebarang halangan itu) bertanggungan secara bersesama dengannya berkaitan dengan hutang atau kecederaan yang sama.

Tindakan berturut-turut.

17. Jika lebih dari satu tindakan diambil berkaitan dengan sebarang kecederaan oleh atau bagi pihak orang yang mengalami kecederaan itu terhadap orang-orang yang bertanggungan berkaitan dengan kecederaan itu (sama ada secara bersama-sama ataupun sebaliknya) maka pihak plaintif tidaklah berhak terhadap kos dalam sebarang tindakan itu, selain dari tindakan dalam mana penghakiman mula-mula diberikan, melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa terdapat alasan yang munasabah bagi mengambil tindakan itu.

Tafsiran.

18. (1) Seseorang adalah bertanggungan berkaitan dengan sebarang kecederaan bagi maksud-maksud Bahagian ini jika orang yang mengalami kecederaan itu (atau sesiapaja yang mewakili harta pesaka atau tanggungan-tanggungannya) berhak untuk mendapatkan kembali pampasan daripadanya berkaitan dengan kecederaan itu (apa pun asas tanggungannya di sisi undang-undang, sama ada tort, perlanggaran kontrak, pecah amanah ataupun sebaliknya).

(2) Sebutan-sebutan dalam Bahagian ini kepada sebarang tindakan yang diambil oleh atau bagi pihak orang yang mengalami sebarang kecederaan termasuk sebutan-sebutan kepada suatu tindakan yang diambil untuk faedah harta pesaka atau tanggungan-tanggungannya.

(3) Dalam Bahagian ini "tanggungan-tanggungan" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Bahagian II.

(4) Dalam Bahagian ini "tindakan" bermakna suatu tindakan yang diambil di Negara Brunei Darussalam.

Pengecualian.

19. (1) Tiada sebarang apa pun dalam Bahagian ini boleh menyentuh sebarang hal jika hutang berkenaan kena dibayar atau (mengikut mana yang berkenaan) kecederaan berkenaan berlaku sebelum tarikh Perintah ini berkuatkuasa.

(2) Seseorang tidaklah berhak untuk mendapatkan kembali caruman atau bertanggungan untuk membuat caruman menurut bab 14 dengan merujuk kepada sebarang tanggungan yang berasaskan kepada perlanggaran sebarang kewajipan yang dipegang olehnya sebelum tarikh Perintah ini berkuatkuasa.

(3) Hak untuk mendapatkan kembali caruman menurut bab 14 menggantikan sebarang hak, selain dari suatu hak kontrak yang nyata, untuk mendapatkan kembali caruman (yang berlainan dari tanggung rugi) dengan jalan lain dari di bawah Bahagian ini dalam keadaan yang bersamaan ; tetapi tiada sebarang apa pun dalam Bahagian ini boleh menyentuh —

- (a) sebarang hak kontrak yang nyata atau tersirat atau hak lain terhadap tanggung rugi ; atau
- (b) sebarang syarat kontrak yang nyata yang mengatur atau mengecualikan caruman ;

yang mungkin boleh dikuatkuasakan selain dari Bahagian ini (atau menyebabkan boleh dikuatkuasakan akan sebarang perjanjian bagi tanggung rugi atau caruman yang tidak mungkin boleh dikuatkuasakan selain dari Bahagian ini).

BAHAGIAN VI

RAMPAIAN

20. (1) Maka tidaklah menjadi suatu pembelaan kepada seseorang majikan, yang didakwa berkaitan dengan kecederaan diri yang disebabkan oleh kecuaian seseorang yang digaji olehnya, bahawa orang itu pada masa kecederaan itu berlaku telah bekerja bersama dengan orang yang tercedera itu.

Pekerjaan bersama.

(2) Sebarang syarat yang terkandung dalam suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan, atau dalam suatu perjanjian yang bersampingan dengannya, (termasuk suatu kontrak atau perjanjian yang dibuat sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini) hendaklah tidak sah setakat yang ianya mungkin mempunyai kesan mengecualikan atau menghadkan sebarang tanggungan majikan berkaitan dengan kecederaan diri yang berlaku kepada orang yang digaji atau diperantis itu oleh kecuaian orang-orang yang bekerja dengannya.

(3) Dalam bab ini ungkapan "kecederaan diri" termasuk sebarang penyakit dan sebarang kelemahan keadaan fizikal atau akal seseorang, dan ungkapan "tercedera" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Tafsiran.

21. (1) Bab ini dikenakan kepada suatu tindakan untuk mendapatkan gantirugi kerana kecederaan diri dalam mana terbukti atau diterima sebagai suatu peluang bahawa pada suatu masa depan orang yang tercedera itu akan, akibat dari perbuatan atau peninggalan yang telah menyebabkan alasan tindakan itu, mendapat suatu penyakit yang

Gantirugi sementara.

teruk atau mengalami suatu kemerosotan yang tenat pada keadaan fizikal atau akalnya.

(2) Tertakluk kepada ceraian (4) dari bab ini, mengenai sebarang tindakan untuk mendapatkan gantirugi yang dikenakan dengan bab ini dalam mana suatu penghakiman diberi di Mahkamah Tinggi, maka syarat boleh dibuat menurut aturan-aturan mahkamah untuk membolehkan mahkamah, dalam keadaan sebagaimana yang mungkin ditetapkan, memberikan kepada orang yang tercedera itu —

- (a) gantirugi yang ditaksir atas andaian bahawa orang yang tercedera itu tidak akan mendapat penyakit atau mengalami kemerosotan keadaannya ; dan
- (b) gantirugi tambahan pada suatu tarikh masa depan jika dia mendapat penyakit atau mengalami kemerosotan.

(3) Sebarang aturan yang dibuat menurut bab ini boleh termasuk syarat-syarat yang bersampingan, tambahan dan berbangkit sebagaimana yang mungkin dianggap perlu atau mustahak oleh pihak berkuasa yang membuat aturan.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan —

- (a) sebagai menyentuh perjalanan sebarang kuasa berkenaan dengan kos, termasuk sebarang kuasa untuk membuat aturan-aturan mahkamah berkenaan dengan kos ; atau
- (b) sebagai melemahkan sebarang kewajipan mahkamah di bawah sebarang undang-undang atau kedaulatan undang-undang untuk mengurang atau menghadkan jumlah gantirugi yang sepatutnya boleh didapatkan kembali selain dari sebarang kewajipan itu.

Pemansuhan. 22. Akta-Akta yang dinyatakan dalam Jadual Pertama adalah dimansuhkan.

Akta-Akta United Kingdom. 23. Akta-Akta United Kingdom yang dinyatakan dalam Jadual Kedua (sebagaimana yang dikenakan kepada Negara Brunei Darussalam Menurut Akta Pengenaan Undang-Undang) hendaklah terhenti dari dikenakan kepada Negara Brunei Darussalam.

JADUAL PERTAMA (Bab 22)

Pemansuhan

Akta Membaharui Undang-Undang (Kecuaian Sertaan) (Penggal 53)

Akta Membaharui Undang-Undang (Kecederaan Diri) (Penggal 10)

31hb. JANUARI, 1991

**JADUAL KEDUA
(Bab 23)**

Fatal Accidents Act 1846
Fatal Accidents Act 1864
Fatal Accidents (Damages) Act 1908
Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1934
Law Reform (Married Women and Tortfeasors) Act 1935

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Januari, 1991 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM